

III

PERKAHWINAN

Pegawai-pegawai bagi mengakad nikah didalam kawasan-kawasan kariah masjid masing-masing terdiri dari Imam-Imam masjid kawasan itu. Mereka dilantik oleh Yang Di Pertua.¹ Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai pegawai-pegawai akad nikah, mereka terpaksa pergi menikah dipejabat Kadi.

Semua pihak yang mahu menikah di Negeri Perlis hendaklah mengisi borang tertentu iaitu Borang Keterangan Pendahuluan dan Pendaftaran Nikah.² Pihak lelaki mesti mengisi Borang "N"³, dan pihak perempuan didalam Borang "O"⁴. Ini bermakna walaupun seseorang itu bukan rakyat Negeri Perlis, ia terpaksa juga mengisi borang-borang tersebut. Bagi rakyat Negeri Perlis yang hendak menikah diluar daripada Perlis, tidak perlu mengisikannya. Apa yang selalu terjadi ialah Kadi, dimana ia hendak mengadakan nikah akan meminta pengesahan dari Kadi Perlis mengenai orang itu yang ia belum pernah berkahwin dan sebagainya.

Akad nikah hanya boleh dijalankan selepas sepuluh hari borang itu dihantar kepada pegawai akad nikah. Tujuannya ialah supaya pegawai akad nikah kawasan itu boleh menyiasat mengenainya segala butir-butir

¹ Enakmen, s. 82(1).

³ Lihat m.s. 75

² Ibid., s. 85(1) (a)

⁴ Lihat m.s. 76

yang diisikan samada betul atau tidak. Antara butir-butir yang dikehendakki ialah pekerjaan pemohon, dan samada ia teruna atau bujang. Tiap-tiap pemohon hendaklah mengisikan butir-butir ini dengan betul. Sesiapa yang didapati memberi keterangan yang palsu, boleh didakwa dibawah s. 120(3), Enakmen ini.

PENDAKWA⁵ v. ALI BIN KASK⁵

Didalam kes ini, pihak yang dituduh telah didakwa atas kesalahan dibawah s. 120(3). Semasa mengisi borang "N" dia (Ali) mengatakan dia tidak ada isteri, dimana sebenarnya dia sudah pun mempunyai seorang isteri. Pendakwa telah memanggil isterinya itu sebagai saksi bagi pihak pendakwa. Didalam keterangan yang diberi olehnya, isteri itu mengatakan bahawa dia belum lagi diceraikan oleh pihak yang dituduh. Kadi telah memutuskan bahawa Sidituduh adalah salah diatas tuduhan itu dan mengenakan hukuman denda keatasnya.

Mengenai umur minima untuk berkahwin, tidak ada peruntukan dibuat dibawah Enakmen. Didalam Kanun Keseksaan ada mengatakan bahawa persetubuhan yang dilakukan oleh sesaorang lelaki dengan isterinya yang lebih dari tiga belas tahun adalah bukan rogol⁶. Walaupun begitu, Kadi akan membenarkan perkahwinan bagi sesaorang gadis dibawah tiga belas tahun, jika dia berpuss hati bahawa tidak ada paksaan dalam perkara ter-

⁵ Dibicarakan dimahkamah oleh Kadi pada 29hb. Mach, 1976., No.10/76 KK.

⁶ Kanun Keseksaan, s. 375.

sebut oleh penjaganya keatas gadis itu. Kebenaran mestilah didapati dari Kadi sendiri. Perkahwinan seperti ini jarang-jarang berlaku sekarang ini, tidak seperti tahun lima puluhan dahulu. Saya cadangkan supaya perkahwinan seperti ini mestilah ^{tidak} dibenarkan lagi kerana adalah terlalu muda bagi gadis-gadis ini untuk menjadi suri rumah tangga. Ini akan menyebabkan keadaan rumah tangga dan penjagaan kanak-kanak yang tidak memuaskan.

Mengenai kahwin paksa, perkara ini tidak mungkin berlaku di-Perlis sekarang ini kerana pihak yang akan berkahwin diperlukan mengisi borang-borang tersebut. Jadi kalau mereka tidak bersetuju mereka tidak payah mengisi borang-borang itu. Disamping itu mereka boleh mengadu kepada Kadi dan Kadi jika berpuas hati boleh mengeluarkan perintah kepada pegawai-pegawai akad nikah supaya jangan menjalankan perkahwinan itu. Jika perempuan yang hendak dinikahkan itu tidak mempunyai wali atau jika wali perempuan itu enggan memberi persetujuan terhadap perkahwinan itu maka persetujuan itu bolehlah didapati daripada wali Raja.⁷ Permohonan untuk mendapat wali Raja boleh dibuat diatas "Borang P"⁸. Perempuan yang berkenaan hendaklah melaporkan kepada Kadi jika walinya enggan memberi persetujuan. Kadi akan menghantar surat saman yang dibuat oleh pengadu,

⁷Enakmen, s. 85(3)

⁸Lihat m.s. 77

menuntut supaya walinya datang ke mahkamah Kadi untuk menjawab tuntutan pihak mengadu.

TENGGU MAZNAH v TENGGU JAAFAR.⁹

Anak perempuan menuntut bapanya jadi wali nikah. Bapanya enggan. Didalam keputusannya Kadi telah mengatakan bahawa oleh sebab pihak penentang tidak memberi alasan yang terdapat dalam hukum syarak untuknya menghalang perkahwinan itu, jadi perkahwinan dibenarkan dengan maskahwin sebanyak \$ 712.00.¹⁰

Mengenai wali Raja ini, hanya mereka yang menjadi rakyat Negeri Perlis yang boleh memohon untuk mendapat wali Raja. Walau bagaimana pun bagi orang-orang yang bukan rakyat Negeri Perlis tetapi tinggal tetap di Negeri ini lebih daripada satu tahun boleh juga memohon. Permohonan mereka itu akan dibenarkan jika ada pegawai akad nikah (dimana mereka tinggal) menyokong akan permohonan itu.

Bagi suami yang hendak berkahwin seorang lagi, dia juga dikenakan supaya mengisi "Borang N". Disamping itu Kadi akan meminta keterangan-keterangan lain. Pertamanya persetujuan dari isteri yang ada sekarang. Jika isteri itu tidak bersetuju dia boleh lapurkan kepada Kadi. Kadi akan memanggil kedua-dua pihak untuk mendengar alasan masing-masing. Selepas mendengarnya Kadi boleh membuat keputusan samada perkahwinan

⁹Dibicarakan di mahkamah pada 17hb. April, 1976., No.34/76 KHB.

¹⁰Jumlah ini dinyatakan oleh pihak menuntut dalam "Borang P".

itu akan dibenarkan atau tidak tanpa persetujuan isteri pertama. Disamping itu juga Kadi akan meminta pengakuan dari pegawai akad nikah kawasan suami mengenai perkara-perkara lain. Akhir sekali ia akan menanya kemampuan suami.¹¹

Satu perkara yang kerap kali terjadi pada masa ini ialah mengenai lelaki-lelaki yang membawa gadis-gadis dari Perlis pergi berkahwin di Negeri Siam. Mereka lakukan ini ialah kerana perkahwinan mereka itu tidak disetujui oleh ibu-bapa masing-masing atau pun sesaorang lelaki yang telah mempunyai isteri hendak kahwin seorang lagi dan tidak dibenarkan oleh Kadi. Di Negara Thai mereka boleh berkahwin dengan senangnya. Tempat yang mereka selalu pergi ialah di Padang Besar iaitu letaknya di Sempadan Perlis dan Negeri Thai. Disana Imam masjid menjalankan upacara akad nikah dengan tidak memerlukan kehadiran wali. Ada kalanya perempuan sendiri yang tidak hadir tetapi perkahwinan boleh dijalankan. Juga seorang perempuan yang masih menjadi isteri yang sah pada seorang lelaki boleh dikahwinkan dengan lelaki lain, didalam keadaan demikian. Salah satu dari sebabnya ialah Imam yang menjalankan upacara itu tidak meminta apa-apa pengesahan dari Kadi dimana pihak-pihak yang mahu berkahwin itu tinggal.

Wali bagi perempuan-perempuan tersebut boleh datang berjumpa dengan Kadi untuk membantahkan perkahwinan itu. Selalunya, perkahwinan

¹¹ Temuramah dengan Kadi.

itu akan dibatalkan oleh Kadi dengan serta merta, dimana kuasa untuknya berbuat demikian terdapat dibawah Enakmen iaitu s. 11(4) (b) (1). Kadang kala terdapat keadaan dimana wali-wali perempuan ini tidak mengambil tindakan, iaitu membiarkan sahaja perkahwinan itu. Ini mungkin disebabkan mereka tidak mahu menimbulkan kacau atau mereka tidak tahu akan hak-hak mereka. Didalam keadaan ini, walaupun pasangan-pasangan yang telah berkahwin itu akan selamat tetapi mereka akan merasakan akibat dari perbuatan mereka itu, terutamanya pihak perempuan, selepas itu. Ini adalah disebabkan Kadi tidak akan melayan segala aduan atau tuntutan mereka. Pasangan-pasangan yang telah dibatalkan perkahwinan mereka boleh ditangkap kerana melakukan kesalahan dibawah Enakmen jika didapati masih duduk bersama kerana kesalahan khalwat.¹² Jadi misalnya sesaorang perempuan hendak menuntut cerai dari suami, maka ia akan mengalami kesukaran. Oleh itu dinasihatkan kepada pasangan-pasangan yang hendak berkahwin supaya jangan pergi menikah di Negeri Thai. Jika ada apa-apa masalah mengenai perkahwinan, mereka sepatutnya datang berjumpa dengan Kadi sendiri. Mungkin disini hanya satu perkara saja yang membuatkan mereka tidak senang iaitu terpaksa menunggu beberapa lama, kerana Kadi memerlukan masa untuk menyiasat perkara-perkara tersebut.

Sebaliknya, ada juga lelaki dari Perlis telah pergi berkahwin dengan perempuan Siam. Ini terjadi menurut setengah-setengah pendapat

¹² Enakmen, s. 115.

dan juga dari tinjauan saya sendiri adalah kerana jumlah maskahwin dan pemberian adalah begitu tinggi sekali sejak kebelakangan ini di Negeri Perlis, selalunya satu ribu ringgit lebih. Ini amat berbeza sekali dengan gadis-gadis Siam dimana jumlahnya iaitu maskahwin dan pemberiannya adalah rendah sekali. Disamping itu, satu lagi sebab ialah sikap kebanyakan gadis-gadis Negeri Perlis, terutamanya yang mempunyai pelajaran menengah, yang suka memilih pasangan-pasangan mereka dari orang-orang yang bergaji. Bagi lelaki-lelaki yang telah menikah dengan gadis-gadis Siam di Negara Thai, mereka diperlukan untuk mendapat pengesahan dari Kadi untuk mengesahkan bahawa perkahwinan itu adalah sah. Oleh itu mereka diperlukan membawa surat-surat keterangan seperti surat nikah kepada Kadi. Pengesahan dari Kadi adalah perlu untuk tujuan-tujuan imigresen bagi membolehkan perempuan itu tinggal di Malaysia. Ini diperlukan untuk mengelak daripada terjadinya penipuan. Pernah terjadi dimana gadis-gadis yang sudah "dikahwini" itu dibawa ke Malaysia dan dijual di Malaysia untuk menjadi perempuan-perempuan jahat ditempat-tempat tertentu.

MUNGKIR PERJANJIAN PERTUNANGAN.¹³

Jika sesuatu pihak yang membuat perjanjian pertunangan mungkir daripada menjalankan syarat-syarat perjanjian itu maka pihak yang mungkir itu hendaklah membayar kepada pihak yang satu lagi sebanyak mana wang yang dipersetujui dalam perjanjian itu beserta dengan:-

¹³Enakmen, s. 88.

(a) Jika pihak yang mungkir itu seorang perempuan, pemulangan segala pemberian silaki-laki atau harga pemberian-pemberian itu dan lain-lain bilangan wang yang dibelanjakan oleh pihak laki-laki untuk kesiapan kerana melaksanakan syarat-syarat perjanjian itu;

(b) Jika pihak yang mungkir itu seorang laki-laki, pembayaran maskahwin sebanyak mana yang kena dibayar dibawah perjanjian itu. Ini adalah kerana jika persetujuan (pertunangan) tersebut diputuskan oleh salah satu pihak tanpa sebab-sebab yang sah disisi undang-undang, maka ia menimbulkan akibat hukuman.¹⁴

Oleh kerana maskahwin hendaklah dibayar tunai maka jika pihak lelaki mungkir, dia dikenakan membayar maskahwin seperti yang telah ditetapkan. Oleh kerana jumlah maskahwin tidak ditetapkan maka satu "trend" sekarang ini ialah mengenakan maskahwin yang tinggi misalnya satu ribu dua belas ringgit. Disamping itu jika pihak perempuan yang mungkir, dia tidak perlu membayar kembali maskahwin tetapi hanya pemberian oleh pihak-pihak lelaki umpamanya pakaian dan cincin. Mana-mana pihak yang mungkir dikenakan membayar ganti segala kerugian-kerugian yang dialami oleh pihak yang satu lagi. Ini termasuklah segala perbelanjaan untuk persiapan khenduri dan pihak yang menuntut mestilah membuktikan dia benar-benar telah membelanjakan wang sebanyak itu umpamanya

¹⁴Abdullah Siddik, "Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia.", Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 162.

dengan menunjukkan resit.

Disamping itu, pihak-pihak yang berkeenaan boleh menuntut kerana mungkir perjanjian pertunangan di mahkamah biasa seperti yang telah diputuskan di dalam kes Hong v. Daing Mokka.¹⁵

TAKLIK

✓ Semenjak Enakmen Pentadbiran Ugama Islam berkuatkuasa, semua pengantin lelaki dimestikan membaca surat taklik selepas upacara akad nikah dan menandatangani dihadapan dua orang saksi. Surat taklik adalah diperlukan mengikut s.87(8) Enakmen tersebut. Surat taklik¹⁶ itu mengandungi dua syarat. Pertamanya mengenai meninggalkan isteri lebeh daripada satu bulan tanpa memberi nafkah dan keduanya melakukan kezaliman kepada isteri. Jika ada salah satu daripada syarat-syarat itu dilanggari oleh pihak lelaki, maka pihak isteri hendaklah melapurkannya kepada Kadi. Kadi akan menyuruhkannya membuat tuntutan untuk mempersahkan taklik didalam mahkamah Kadi. Jika pengaduan itu sabit, Kadi akan memutuskannya bahawa isteri itu diceraikan.

MILAH BINTI YUSUF v. MOHAMMED GHAZALI ARSHAD.¹⁷

Pihak menuntut ialah orang Perlis dan sisuami (pihak menjawab) tinggal di Ipoh. Isteri tinggal bersama-sama ibunya di Perlis. Suami tidak memberi nafkah semenjak 1.6.75. Pihak menjawab tidak hazir pada

¹⁵ Hong v. Daing Mokka [1935] 4 M.L.J.147.

¹⁶ Lihat m.s. 74

¹⁷ Dibicarakan oleh Kadi pada 29.3.1976, No.22/76KHB.

hari pembicaraan itu. Walau bagaimana pun, pembicaraan dijalankan.

Kadi telah menyuruh pihak menuntut mengemukakan hujjah-hujjahnya dan memanggil saksi-saksinya. Salah seorang dari saksi-saksi itu ialah Imam kawasannya. Tuan Kadi telah berpuashati bahawa pihak menjawab tidak pernah beri nafkah lebih dari satu bulan kepada pihak menuntut. Oleh itu taklik itu telah dipersahkan.

Walaupun piha k-pihak perempuan boleh mengadakan syarat-syarat lain tetapi selalunya mereka hanya menggunakan taklik yang telah disediakan itu tanpa apa-apa perubahan atau tambahan.
